

## **STPM Kertas 1 Set KVK 2: Soalan 4**

(a) Ramiz Sdn Bhd adalah sebuah syarikat perkilangan yang mengeluarkan barang elektronik. Pihak pengurusan berpendapat bahawa syarikat ini mempunyai sistem kawalan dalaman yang baik kerana tiada masalah yang wujud dalam operasinya setakat ini. Aktiviti-aktiviti dalam dua proses yang wujud dalam organisasi ini adalah seperti yang berikut:

1. Proses pembelian bahan mentah

Berdasarkan kepada arahan kerja dari Jabatan Penjadualan Pengeluaran, sistem pengurusan inventori yang diamalkan oleh Jabatan Stor akan memberikan satu senarai bahan mentah yang perlu dipesan selepas membuat perbandingan dengan tahap inventori bagi setiap bahan mentah yang diperlukan untuk arahan kerja berkenaan.

Seorang kerani stor akan membuat tangkapan skrin item-item yang perlu dipesan dan hantarkannya sebagai lampiran melalui e-mel pengurus stor. Pengurus stor akan mengesahkan keperluan pesanan dalam e-mel tersebut dan hantar kepada pengurus belian. Pengurus belian ini akan menyuruh kerani yang tidak sibuk untuk menyediakan borang pesanan dalam sistem belian mengikut item-item bahan mentah yang diperlukan dan menghantar borang pesanan kepada pembekal pilihannya tanpa mengambil kira masa menunggu untuk menerima pembekalan bahan mentah tersebut.

2. Proses penerimaan bahan mentah

Jabatan Stor mempunyai satu bahagian khas untuk menerima bahan mentah yang dipesan. Kerani yang bertugas untuk menerima adalah seorang pekerja yang membuat tugas penerimaan bahan mentah selama 8 tahun. Ramai daripada pembekal-pembekal adalah kenalan kerani ini. Maka, proses penerimaan hanya melibatkan tugas perbandingan antara nota serahan dan salinan borang yang diterima daripada Jabatan Belian.

Nota serahan yang ditandatangani dan nota penerimaan bahan yang disediakan oleh kerani akan dihantar ke Jabatan Akaun untuk memproseskan pembayaran kepada pembekal. Manakala, bahan mentah yang diterima akan disimpan dalam stor oleh pembantu stor. Pintu masuk stor boleh diakses oleh setiap pekerja syarikat perkilangan ini.

**Dikehendaki:**

(i) Daripada proses pembelian dan penerimaan bahan mentah yang diberikan di atas, jelaskan lima prinsip kawalan dalaman yang tidak dipatuhi. (10 markah)

(ii) Nyatakan empat masalah yang mungkin akan dihadapi oleh Jabatan Pengeluaran disebabkan oleh kelemahan kawalan dalaman yang wujud dalam proses pembelian dan penerimaan bahan mentah yang diberikan di atas. (4 markah)

(b) Bagi setiap situasi yang diberikan di bawah, perihalkan batasan kawalan dalaman yang bersesuaian.

1. Syarikat Royston Sdn Bhd telah mendapatkan khidmat seorang pengurus pengeluaran yang mahir dengan gaji bulanan yang tinggi. Satu daripada syarat yang ditetapkan oleh pengurus baru ini adalah beliau dibenarkan memilih pembantu-pembantunya secara sendiri.
2. Jabatan sistem maklumat pengurusan Syarikat TegapSatu Sdn Bhd telah memberi amaran kepada pihak pengurusan syarikat mengenai penularan virus "Corona" melalui internet yang berkeupayaan untuk menghapuskan data-data dari sistem maklumat syarikat.
3. Pekerja-pekerja bahagian penyelenggaraan Syarikat Viva Sdn Bhd telah membuat aduan kepada pihak pengurusan mengenai prosedur-prosedur yang terlalu banyak untuk mendapatkan alat-alat ganti bagi tugas penyelenggaraan.
4. Pemilik Perniagaan Malik telah mendapatkan khidmat anak saudaranya untuk melakukan tugas penerimaan tunai, pemegangan tunai dan perekodan tunai disebabkan oleh kekurangan sumber kewangan.

(6 markah)